

27 OCT 2000

REAKSI-MAHATHIR (RAKYAT)

BELANJAWAN 2001 BELANJAWAN RAKYAT, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 27 Okt (Bernama) -- Belanjawan 2001, seperti tahun-tahun lepas masih merupakan belanjawan rakyat terutama untuk mereka yang berpendapatan rendah, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini.

Merujuk kepada rebat cukai individu yang akan membuatkan lebih satu juta orang daripada kumpulan berpendapatan rendah dan sederhana tidak perlu membayar cukai, Dr Mahathir berkata ini akan mengurangkan beban golongan tersebut.

Menteri Kewangan Tun Daim Zainuddin dalam ucapan Belanjawan 2001 berkata rebat cukai yang kini diberikan kepada individu akan dinaikkan daripada RM110 kepada RM350 sementara rebat bagi isteri akan dinaikkan daripada RM60 kepada RM350.

Beliau turut mencadangkan supaya kelayakan kurungan pendapatan boleh dicukai bagi rebat ini dinaikkan daripada RM10,000 kepada RM35,000 yang akan memberi faedah kepada 1.23 juta pembayar cukai.

Walaupun cukai dikurangkan, kerajaan masih berusaha meningkatkan ekonomi dan menambahkan perbelanjaan untuk pelbagai kegiatan, kata Daim pada sidang akhbar selepas pembentangan di Parlimen di sini.

Ini dapat dilakukan kerana kerajaan melalui cukai yang dikurangkan, perbelanjaan pengguna akan digalakkan, katanya.

Dr Mahathir menambah, syarikat-syarikat mendapat keuntungan lebih besar yang akhirnya memberikan pendapatan cukai yang lebih banyak kepada kerajaan.

Ditanya mengenai tiadanya potongan cukai korporat seperti yang dijangkakan ramai pihak, beliau berkata kerajaan tidak boleh mengurangkan semua cukai sekaligus.

"Lama-lama kerajaan tidak ada duit. Kita nak tambah sekolah dan jumlah guru dan bantuan kepada banyak golongan.... semuanya berkembang," tambahnya.

Peruntukan yang besar juga akan dibelanjakan untuk mengurangkan jurang digital antara kawasan bandar dan kampung dalam program sekolah pintar.

Perbelanjaan ke atas kelengkapan teknologi maklumat, perisian dan guru-guru amat besar, tambahnya.

Mengenai peruntukan RM18.6 bilion untuk pendidikan, Dr Mahathir berkata belanjawan untuk pendidikan merupakan yang terbesar antara kementerian-kementerian kerajaan.

Satu pertiga daripada kakitangan kerajaan terlibat dalam pendidikan, katanya. -- BERNAMA

MAD JR